

**Parlimen: Kesyakan Jalan Di Putrajaya Kerana Masyarakat Luar Datang Berurusan Bernama
9 Oktober, 2012**

KUALA LUMPUR, 9 Okt (Bernama) -- Kesyakan jalan raya di Putrajaya antara lain berpunca daripada kehadiran orang ramai yang mahu berurusan di pejabat kerajaan, demikian persidangan Dewan Rakyat diberitahu pada Selasa.

Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar Datuk Seri Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin berkata kombinasi kenderaan persendirian penduduk luar dan penduduk tetap Putrajaya menyebabkan pusat pentadbiran kerajaan persekutuan itu mengalami kesyakan pada waktu puncak.

Bagi menangani masalah itu, Perbadanan Putrajaya meningkatkan sistem pengangkutannya dengan menambah bilangan bas Nadi Putra daripada 75 pada 2010 kepada 175 buah tahun lepas, katanya menjawab soalan tambahan Datuk Seri Azalina Othman Said (BN-Pengerang) di sini.

"Dengan pertambahan bas ini, kekerapan bas dapat ditingkatkan dan ternyata ianya menyokong langkah mengurangkan kesyakan ini dan bilangan penumpang bas Nadi Putrakan meningkat iaitu daripada 3.7 juta penumpang pada 2010 kepada 4.2 juta pada 2011 iaitu peningkatan sebanyak 12 peratus.

"Ini membuktikan kesediaan pengguna jalan raya untuk berubah mod pengangkutan daripada menggunakan kenderaan persendirian kepada pengangkutan awam sekiranya perkhidmatan yang disediakan adalah memuaskan," katanya.

Raja Nong Chik berkata bagi memastikan kelancaran trafik pada waktu puncak, lalu lintas di beberapa persimpangan utama termasuk di Persiaran Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dikawal pihak berkuasa.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=700542>